



**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**SEBUT HARGA CADANGAN PERKHIDMATAN
MEREKABENTUK, MENAIKTARAF, MENYEDIAKAN, MEMPROMOSI, MELAKSANAKAN DAN MENYELIA
PAMERAN USAHAWAN BAGI PROGRAM MIHAS 2022**

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
086/2022/0024	221305	01/08/2022 hingga 08/08/2022	RM5.00	15/08/2022 Hari Isnin (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Tawaran ini dilaksanakan melalui atas talian (online). Oleh itu pembekal DIWAJIBKAN membuat pendaftaran syarikat melalui laman web www.sennego.com sebelum menyertai tawaran ini. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SENNEGO di talian 03-78854111 atau emel kepada speedhelpdesk@commercedc.com.my
3. Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, pembekal boleh mendapatkan No Pin [dengan membuat pembelian di Kaunter Tender \(Tingkat 2\)](#) Ibu Pejabat MARA dan memastikan sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh:
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA dan MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
4. Nombor Pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran. Bayaran boleh dibuat secara **Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos** atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. Pembelian Dokumen Sebut Harga hendaklah menggunakan Kod Nominal 001 - 013 - 086 - 73105.
5. Hanya pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan SENNEGO dan berjaya menyertai pasaran MARA serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan dibenarkan untuk membuat pembelian melalui <https://bayar.maraeps.my>
6. MARA tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. No pin akan diproses oleh pihak MARA pada hari bekerja dan pembekal akan menerima emel makluman apabila no pin telah dijana.
7. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen sebut harga melalui laman web www.sennego.com mulai 01/08/2022 hingga 08/08/2022. Sebarang pengesahan pelawaan kali pertama selepas 09/08/2022 tidak akan dilayan. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan Penjanaan No Pin boleh menghubungi Kaunter Tender di talian 03-26132224 / 32259 / 32262.
8. Pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen sebut harga secara manual dan melalui atas talian (online) sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga.
9. Dokumen Sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang) / (2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin - Khamis, (8.30 pagi - 12.15 tengahari) / (2.45 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat seperti alamat di bawah. Dokumen tawaran sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.
10. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan semasa membeli dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan.
11. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.

12. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
13. Dokumen **Sebut harga** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (Kaunter Tender) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR
Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

14. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
15. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh tutup sebut harga pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
16. Pembelian dokumen dan penghantaran Dokumen Sebut Harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.